

Berita Manmin

NO. 7 24 JULAI 2022

‘Perjumpaan Kesembuhan Ilahi’ untuk bertemu dan mengalami Tuhan

Pada 27 Mei pukul 11:00 malam sewaktu Ibadat Semalaman Jumaat, ‘Perjumpaan Kesembuhan Ilahi’ untuk orang yang sakit diadakan secara tanpa bersemuka dengan siaran langsung ke seluruh dunia menerusi satelit, YouTube, dan Internet menerusi GCN TV (www.gcntv.org).

Dr. Soojin Lee, pembicara dan Pemangku Pastor Kanan, menyampaikan ajaran yang berjudul, ‘Tenang dalam Segala Hal’ (Amsal 16:7) dan kemudian memimpin masa pujian dan doa untuk pertaubatan dan kepenuhan Roh Kudus.

Seterusnya, dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) yang telah didoakan oleh Pastor Kanan, beliau berdoa dengan sungguh-sungguh, menyebut nama penyakit-penyakit bagi permohonan doa yang diterima dari dalam dan luar negara. Hasilnya, kesaksian anggota




Manmin yang telah disembuhkan daripada pelbagai penyakit dan keinginan hati mereka dipenuhi telah dilaporkan menerusi panggilan telefon dan media sosial, melangkaui masa dan ruang di Korea dan juga di luar negara, serta memberi kemuliaan besar kepada Tuhan.

Sementara itu, dari 9 hingga 29 Mei, ‘Perjumpaan Doa Nazar Daniel’ yang dianjurkan oleh Pusat Doa Manmin telah diadakan untuk tajuk doa tahun 2022, relokasi gereja dan

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi.

Selain itu, ‘Perjumpaan Doa atas Talian untuk Orang Sakit’ juga diadakan pada setiap hari Isnin pada pukul 11:00 pagi dengan pimpinan Pengarah Boknim Lee untuk membantu anggota Manmin menerima banyak jawapan dan berkat.

Berita Bergambar



‘Retret untuk Anggota Pekak Manmin Malaysia’

‘Retret Anggota Pekak Manmin Malaysia’ telah diadakan di Cameron Highlands Resort dari 2 hingga 4 Mei melibatkan anggota daripada gereja cawangan termasuklah Gereja Manmin Pekak Pulau Pinang di Malaysia.

Sesi pendidikan rohani ini dihadiri oleh anggota pekak dari 24 buah negara luar bukan sekadar di tempat acara ini diadakan tetapi juga menerusi ZOOM. Dengan pelbagai program seperti sukan dan rekreasi, anggota Manmin mempunyai masa yang gembira bersatu dalam Tuhan Yesus.



Harmoni Kasih, 'Pesta Pujian Keluarga Kali Kedua'

Pada pukul 1:30 petang hari Ahad 15 Mei, 'Pesta Pujian Keluarga Kali Kedua' disiarkan melalui GCN TV, aplikasi mudah alih dan KT Olleh TV Saluran 882.

Acara ini yang diatur oleh Jawatankuasa Seni Persembahan dengan tema

'Keluarga Bersatu dalam Tuhan Yesus' untuk meraikan Bulan Keluarga telah disertai oleh kumpulan keluarga dari dalam dan luar negara.

Hasilnya, hadiah utama dimenangi oleh keluarga Diaken Seongbeom Cho (Paroki Cina Kedua), hadiah emas dimenangi

oleh keluarga Diaken Seongcheol Maeng (Paroki Cina Kedua) dan hadiah perak dimenangi oleh keluarga Misionari Batzorig (Gereja Manmin Mongolia).

Hadiah populariti berdasarkan undian oleh anggota Manmin menerusi pautan juga dimenangi oleh keluarga Misionari Batzorig.



Diaken Seongbeom Cho yang memenangi hadiah utama



Keluarga Diaken Seongbeom Cho



Pastor Jinjoo Kim, Gereja Pusat Manmin



Keluarga Diaken Seongcheol Maeng



Keluarga misionari Batzorig dari Gereja Manmin Mongolia



Keluarga Misionari Yoon



Keluarga Yonggeun Lee



Keluarga Diaken Cheolgu Park



Keluarga Diaken Donny Yii dari Gereja Manmin Malaysia



Keluarga Diaken Alvin Bandahala dari Gereja Manmin Cavite, Filipina



Keluarga Diaken Uiwon Kim



Keluarga Sangki Cho



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Cara Keselamatan Manusia Disediakan sebelum Dunia Ini Diciptakan

“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita”
(Kisah Rasul-rasul 4:12)

Anda mungkin pernah bertemu dengan orang yang tertanya-tanya mengapa tiada nama lain yang dengannya kita harus diselamatkan melainkan Yesus Kristus. Anda malah mungkin berhadapan dengan orang yang mempunyai pandangan kritis tentang hal ini. Oleh itu, marilah kita meneliti sebab hanya Yesus Kristus dapat menjadi Penyelamat kita.

1. Keselamatan Manusia telah Disediakan sebelum Dunia Ini Diciptakan

Tanpa mengalami nasib malang dan kesedihan, manusia tidak dapat menghargai kebahagiaan. Hanya apabila manusia menderita kesedihan dan kesusahan barulah mereka dapat memahami nilai sebenar kebahagiaan dan bersyukur atas perkara ini dari lubuk hati mereka. Tuhan menempatkan pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat serta melarang Adam daripada memakannya supaya pada suatu hari nanti dia dapat memahami relativiti. Tuhan juga memberikan Adam kehendak bebas yang dengannya dia dapat membuat keputusan dengan sendiri dan akhirnya Adam mengabaikan perintah Tuhan serta memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat.

Dengan meneliti proses manusia pada hari ini bergelulang dengan dosa dan kejahatan dapat membantu kita untuk memahami proses kejahatan masuk ke dalam diri Adam. Sebagai contoh, hal seorang kanak-kanak memukul kanak-kanak yang lain tidak berlaku dengan sedemikian dari awalnya. Sudah tentu dalam dirinya ada sifat berdosa akibat dosa asal yang dengannya dia dilahirkan. Walau bagaimanapun, ada satu proses yang melaluinya kanak-kanak itu menerima amalan jahat sehingga dia mengembangkan tabiat jahat memukul kanak-kanak lain. Pada mulanya, dia melihat orang memukul orang lain, kemudian dia

mengulanginya sekali atau dua kali, dan akhirnya menjadi seseorang yang selalu memukul orang lain.

Dengan kehendak bebasnya, Adam memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat setelah terjatuh ke dalam godaan ular. Seperti amaran Tuhan kepadanya, “Engkau pasti mati,” roh di dalam diri Adam mati. Adam dipisahkan daripada komunikasi dengan Tuhan dan menjadi hamba kepada Iblis.

Hal ini terjadi seperti yang dinyatakan dalam Roma 6:16, “Tentu kamu tahu bahawa jika kamu menghambakan diri kepada seseorang untuk melakukan kehendaknya, maka kamu menjadi hamba orang yang kamu taati: sama ada hamba kepada dosa yang mengakibatkan kematian, atau hamba kepada Allah yang dapat menjadikan kamu berbaik semula dengan Allah.” Pada masa itu, Adam terpaksa melepaskan autoriti dan kemuliaan yang diberikan kepadanya sebagai penguasa segala makhluk kepada Iblis (Kejadian 1:28; Lukas 4:6).

Sejak itu, dengan peredaran masa, hati manusia menjadi bertambah jahat. Iblis juga membawa penyakit, kemiskinan, bencana, air mata, kesedihan dan seksaan kepada manusia serta akhirnya akan membawa mereka ke Neraka. Namun begitu, ketentuan Tuhan bukannya kejatuhan manusia ke Neraka tetapi membawa manusia untuk mengalami relativiti di dunia ini, dipupuk dengan baik dan mendapat kelayakan untuk memasuki Syurga.

Sebagai yang diketahui oleh Tuhan dengan lebih awal bahawa Adam akan memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat pada saat Dia merancang pemupukan manusia, Dia menyediakan jalan keselamatan untuk manusia yang berdosa dan jalan itu ialah Yesus Kristus. Sehingga waktunya yang ditetapkan telah tiba, Tuhan telah menyembunyikan jalan ini.

2. Jalan Keselamatan bagi Manusia dan Hukum Penebusan Tanah

Bagaimanakan manusia yang berdosa dapat mencapai keselamatan? Tuhan melakukan segala-galanya dengan kasih dan keadilan-Nya. Hal ini demikian kerana Tuhan melakukan segala-galanya dalam batas hukum dan ketertiban rohani. Pengampunan-Nya dan keselamatan orang yang berdosa juga dilaksanakan dalam keadilan-Nya yang sempurna.

Berdasarkan hukum rohani yang menyatakan, “Kematian adalah upah dosa,” seseorang perlu membayar harga bagi dosa kita bagi pihak kita untuk menyelamatkan kita semua, orang yang berdosa. Atas sebab itulah Yesus, Anak Tuhan, menjadi manusia, datang ke bumi, dan mati di atas salib kayu untuk menebus semua manusia daripada dosa. Walau bagaimanapun, orang yang tidak percaya kepada fakta ini selalu bertanya, “Mengapakah kita menerima keselamatan hanya apabila kita percaya kepada Yesus Kristus?”

Namun begitu, seperti yang dinyatakan oleh Alkitab dalam Kisah rasul-rasul 4:12, “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita,” tiada orang selain Yesus dapat menjadi Penyelamat dan tiada orang dapat menerima keselamatan tanpa menerima Dia sebagai Penyelamat mereka.

Oleh itu, mengapakah Yesus Kristus ialah satu-satunya Penyelamat kita? Hal ini demikian kerana hukum rohani. Semua manusia ditakdirkan untuk mati akibat dosa Adam menurut hukum rohani yang menyatakan, “Kematian adalah Upah Dosa”. Apabila semua manusia menjadi hamba kepada Iblis, mereka tertakluk kepada hukum rohani yang menyatakan “Jika kamu menghambakan diri kepada seseorang untuk melakukan kehendaknya, maka kamu menjadi hamba orang yang kamu taati.”

Berdasarkan peruntukan hukum rohani yang mana manusia yang berdosa menerima pengampunan dan keselamatan? Kita dapat mencari jawapan bagi soalan ini dalam “Hukum Penebusan Tanah” di dalam Alkitab.

Imamat 25:23-25 menyatakan, “Tanah kamu tidak boleh dijual untuk selamanya kerana tanah itu bukan milik kamu. Tanah itu milik Allah...Apabila sebidang tanah dijual, hak pemilik asal tanah itu untuk menebusnya harus diakui. Jika seorang Israel jatuh miskin lalu terpaksa menjual tanahnya, sanak saudaranya yang terdekat wajib menebus tanah itu”. Peruntukan hukum ini telah ditetapkan berkenaan transaksi yang melibatkan tanah di Israel dan juga terpakai bagi manusia, yang dibentuk daripada tanah.

Tuhan membahagikan tanah Kanaan mengikut setiap suku dan keluarga orang Israel. Sejak itu, semua tanah pada dasarnya ialah milik Tuhan dan manusia tidak dapat menjualnya dengan sesuka hati. Jika pemilik tanah itu jatuh miskin dan terpaksa menjual tanahnya, sanak saudaranya yang terdekat harus membeli tanah itu kembali dan mengembalikan tanah itu kepada

pemiliknya. Terkandung dalam hukum penebusan tanah ini ialah jalan keselamatan bagi manusia yang berdosa, Hal ini demikian kerana penjualan dan pembelian tanah kembali secara langsung berkait dengan manusia yang dibentuk daripada tanah.

Dalam Kejadian 3:19, Tuhan memberitahu Adam, “Engkau akan bekerja keras dan berpeluh-peluh untuk membuat tanah ini menghasilkan sesuatu, sampai engkau kembali ke tanah kerana engkau dibentuk daripada tanah. Engkau dijadikan daripada tanah, dan engkau akan kembali ke tanah.” Dalam Kejadian 3:23 kita baca, “Maka TUHAN Allah mengusir manusia itu keluar dari Taman Eden dan menyuruhnya mengusahakan tanah, yang daripadanya manusia dibentuk.”

Hukum penebusan tanah mempunyai kaitan secara langsung dengan cara manusia, yang dibentuk daripada tanah dan diserahkan ke dalam tangan Iblis, dapat dikembalikan kepada Tuhan. Sama seperti tanah yang merupakan milik Tuhan, Dia telah menetapkan bahawa autoriti Adam, yang pada dasarnya ialah milik-Nya, tidak dapat “dijual secara kekal.”

Ini merupakan hukum yang telah dipersetujui oleh Tuhan dan Iblis pada waktu Adam jatuh ke dalam dosa dan diserahkan kepada Iblis. Oleh itu, walaupun Adam menjadi hamba kepada Iblis dan terpaksa melepaskan semua autoritinya, dengan munculnya individu yang dapat memenuhi hukum penebusan tanah, Iblis harus mengembalikan apa yang telah “diserahkan” kepadanya.

Memandangkan Tuhan telah tahu dengan lebih awal bahawa Adam akan memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, Dia telah menyediakan Penyelamat yang akan memenuhi semua syarat hukum penebusan tanah, dan Penyelamat itu ialah Yesus Kristus. Penjelasan ini akan bersambung dalam Berita Manmin yang seterusnya.

Saudara dan saudari dalam Kristus, Tuhan telah menyediakan Yesus Kristus dan menyembunyikan misteri ini sejak sebelum dunia ini diciptakan. Apabila tiba masanya, Yesus datang ke bumi sebagai manusia dan memenuhi kewajiban-Nya sebagai Penyelamat. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan percaya kepada Yesus Kristus sebagai Penyelamat, mengaku iman anda dalam Dia, dan justeru itu mencapai keselamatan.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

www.manminnews.com

E-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



“Saya disembuhkan daripada hernia cakera tulang belakang!”



Diaken Misoon Yoon (Usia 59, Paroki Cina Kedua)

Kira-kira pertengahan November tahun lepas, saya pergi kerja dan tulang belakang saya terasa begitu sakit. Selepas bekerja keras, barulah saya dapat pergi ke hospital dengan bantuan seorang rakan sekerja.

Imbasan sinar X menunjukkan bahawa saya mengalami hernia cakera tulang belakang. Doktor mengatakan bahawa saya harus menjalani pembedahan jika tidak dirawat dengan segera. Kesakitan itu begitu teruk sehingga saya mendapatkan suntikan dan ubat barulah pulang ke rumah. Namun begitu, pada pagi keesokannya, muka saya membengkak apabila saya bangun dari tidur. Saya berasa terkejut dan berfikir, “Apakah ini?”

Kehidupan harian saya adalah sukar akibat sakit belakang. Saya perlu menggerakkan badan saya dengan sangat perlahan dan berhati-hati, dan apabila saya bangun dari tempat duduk, saya perlu meletakkan kedua-dua tangan saya pada sesuatu untuk dapat bangun.

Pada mulanya, saya sekadar berfikir, ‘Saya rasa belakang saya tegang kerana saya melakukan perkara-perkara seperti membongkokkan dan meluruskan belakang saya.’ Namun begitu, apabila kesakitan itu berterusan, ketika berdoa,

saya mula memikirkan sebab saya tidak dilindungi oleh Tuhan.

Tuhan mengingatkan saya tentang betapa saya merungut dan tidak bersyukur walaupun saya telah mempunyai keadaan yang lebih baik sekarang berbanding dengan pekerjaan saya sebelum ini. Saya bertaubat apabila saya menyedari banyak perkara, seperti berubah tanpa mampu memahatkan rahmat dan kasih dalam hati saya. Saya berpuasa dan bersiap dengan doa untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Disember.

Pada 17 Disember, dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang saya hadiri menerusi GCN, Dr. Soojin Lee berdoa untuk orang sakit dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), dan saya merasakan bahawa tubuh saya berasa lega. Apabila bahagian bawah belakang saya terasa tidak tegang, saya dapat yakin bahawa saya telah disembuhkan.

Selepas itu, apabila saya menggerakkan belakang saya, langsung tiada rasa sakit. Haleluyah! Saya memberi segala syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Penuh Kasih dan Tuhan Yesus yang membimbing saya dengan penuh ketelitian.

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
 “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)

SOROTAN KHAS



Roh Kudus, Penolong yang bersama kita dengan hati Tuhan

Dia mencurahkan rahmat seperti air terjun.

Seperti yang tertulis dalam 1 Korintus 12, Roh Kudus memberi pelbagai kurnia. Jika kita berdoa dengan kurnia bahasa roh, kita dapat mengalami kepenuhan Roh Kudus dan sukacita, dan merasakan kebahagiaan Syurga, iaitu ruang rohani. Apabila mata rohani kita terbuka, kita dapat melihat Syurga dan makhluk rohani yang sangat indah seperti malaikat di dalam alam rohani.

Selain itu, melalui karya kuasa Roh Kudus, kita dapat mengalami perkara-perkara yang menakjubkan yang hanya

mungkin dapat berlaku di dalam dunia rohani, dan kita dapat merasakan misteri dan keindahan dunia roh yang tidak ada kemustahilan. Jika kita dengan teguh percaya bahawa firman Tuhan yang tercatat dalam Alkitab adalah benar, kita dapat hidup gembira dengan harapan pada kerajaan syurgawi tanpa terikat dengan dunia badani.

Oleh sebab Roh Kudus menyelidiki rancangan Tuhan yang paling tersembunyi (1 Korintus 2:10), Dia mendedahkan ketentuan Tuhan yang tersembunyi dan menyedarkan kita tentang hati dan kehendak Tuhan yang terkandung dalam Firman Tuhan. Hal ini akan

membantu kita untuk menyedari betapa besar kasih Tuhan dan betapa dalam kebaikan-Nya. Selain itu, sebanyak kita mendambakan kasih dan kebaikan itu serta memenuhinya dalam hati kita, damai dan sukacita akan datang kepada kita.

Selain itu, dengan menyedarkan kita tentang keadilan, iaitu hukum dunia rohani, Roh Kudus memberitahu kita cara untuk menjalani kehidupan yang diberkati tanpa menghadapi bencana di dalam dunia yang sukar ini. Dia membimbing kita agar kita dapat fokus kepada pekerjaan Tuhan Yesus dan berusaha sedaya upaya sehingga hari kita masuk ke Syurga.

Dia mengerang dan berdoa syafaat bagi kita.

Roma 8:26 menyatakan, “Begitu juga Roh Allah datang menolong kita yang lemah ini. Kita tidak tahu bagaimana kita patut berdoa; Roh itu sendiri bermohon kepada Allah dengan erangan yang tidak dapat diutarakan dengan kata-kata.”

Oleh sebab Roh Kudus ialah kebenaran (1 Yohanes 5:7), Dia berasa sangat senang hati terhadap anak-anak Tuhan apabila mereka mengikut kebenaran. Apabila Roh Kudus di dalam hati kita bersukacita, hati kita berlimpah dengan sukacita, jadi kita dapat mengikut kebenaran. Sebaliknya,

jika kita mengikut dusta, Roh Kudus mengerang di dalam hati kita, dan hati kita juga akan menderita. Apabila kita berpaling dan mengikut kebenaran, penderitaan hilang dan damai serta sukacita datang. Dengan cara ini, Roh Kudus memimpin kita untuk hanya mengikut kebenaran, bukan dusta. Jika kita melakukan dosa besar kerana kita adalah lemah, Dia memohon kepada Tuhan untuk mengampuni kita dengan erangan yang tidak dapat diutarakan dengan kata-kata, untuk memberikan kita kekuatan untuk berpaling kembali, dan memberikan kita satu lagi peluang.

Sekalipun bagi orang yang menutup hatinya dan tidak mahu

mendengar suara-Nya, Roh Kudus berterusan mengetuk hatinya supaya dia dapat membuka hatinya lagi dan mendengar suara-Nya.

Roh Kudus yang tinggal di dalam orang pada akhir zaman dan tinggal di dalam hati kita tahu betapa banyak dosa telah mencemarkan hati generasi ini dan hati setiap orang, jadi Dia berterusan memohon pengampunan dan satu lagi peluang di hadapan Tuhan.

Roh Kudus tidak berputus asa terhadap orang yang mahu berputus asa terhadap diri mereka sendiri, dengan mengerang dan berdoa bagi mereka, memimpin mereka ke jalan yang dikehendaki Tuhan untuk mereka.

Dia mengetahui hati kita dan membantu kita pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat.

Seperti yang dinyatakan dalam Roma 5:5, “Harapan itu tidak mengecewakan kita, kerana Allah sudah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita. Allah melakukan hal itu dengan perantaraan Roh-Nya, yang sudah dikurniakan-Nya kepada kita,” Roh Kudus berkarya dalam bentuk tertentu dalam kehidupan kita supaya kita dapat merasakan kasih Tuhan.

Dengan erangan yang tidak dapat diutarakan dengan kata-kata, Dia membuat kita berasa tertekan, tetapi pada masa yang sama Dia menghiburkan, mendorong dan membantu kita.

Walaupun pada masa ujian yang tiada seorang pun kelihatan tahu

hati kita, Roh Kudus kadangkala membuat kita dapat merasakan kasih Tuhan melalui pelangi di langit, dan Dia menghiburkan serta mendorong kita melalui orang di sekeliling kita. Dia menunjukkan bahawa Dia bersama kita dalam kehidupan seharian kita, seperti menerima apa yang kita perlukan sebagai kurnia atau memperoleh pendapatan yang tidak terjangka bagi sejumlah wang yang kita perlu dengan segera. Ketelitian dan kebaikan Tuhan yang mengetahui setiap situasi sangat menyentuh hati kita.

K h u t b a h - k h u t b a h yang disampaikan semasa ibadat adalah seperti yang dikatakan kepada kita secara peribadi, dan apabila kita menyanyikan pujian, kita berasa tersentuh oleh setiap liriknya. Apabila kita berdoa, ada kalanya doa dengan kandungan yang perlu

keluar daripada mulut kita seolah-olah Roh Kudus telah meletakkan kandungan doa itu di dalam mulut kita. Apabila orang yang dalam kepenuhan Roh Kudus berdoa bagi kita, mereka berdoa seolah-olah mereka sedang membaca hati dan fikiran kita.

Hal ini sama seperti Tuhan Bapa berkata bahawa kita dapat melalukannya dan mendorong kita untuk masuk ke Yerusalem Baru, jadi kita dapat lebih lagi merasakan kasih itu. Roh Kudus mengetahui segala-galanya, bukan sekadar kata-kata dan tindakan kita, tetapi juga dalaman hati kita dan keadaan kita yang tidak diketahui orang.

Apabila kita mengakui dan bersandar pada pelayanan Roh Kudus, Dia menghiburkan dan mendorong kita pada setiap masa dan membantu kita untuk melalukannya dengan baik.



“Batu karang 12 mm hilang!”

**Diaken Nylander Singh
(Usia 45, Gereja Manmin Delhi, India)**

Pada bulan November 2019, saya mengalami sakit perut yang teruk, jadi saya pergi ke Hospital Kebangsaan India untuk pemeriksaan, dan hasil daripada pemeriksaan ultrabunyi, batu karang sebesar 12 mm ditemui.

Doktor mengesyorkan pembedahan, tetapi saya mahu disembuhkan oleh iman. Oleh itu, saya menerima rahmat dengan menghadiri pelbagai ibadat penyembuhan melalui saluran YouTube ‘GCNTV HINDI’.

Selepas itu, setiap kali Perjumpaan Kesembuhan Ilahi diadakan di Gereja Pusat Manmin di Seoul, saya cuba untuk menghidirinya menerusi GCNTV HINDI dan mahu disembuhkan. Namun begitu, walaupun ramai orang disembuhkan oleh doa Dr. Soojin Lee dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), saya tidak dapat disembuhkan dengan sepenuhnya. Sudah tentu, kesakitan yang teruk telah berkurangan.

Dengan peredaran masa, saya mulai tertanya-tanya sebab saya tidak mendapat kesembuhan penuh. Saya mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee dengan bersungguh-sungguh, berdoa, dan berusaha keras untuk menemui diri saya menerusi Firman Tuhan.

Kemudian pada satu hari, Tuhan mengingatkan saya bahawa saya mempunyai banyak kemarahan dan rungutan. Saya seorang yang pendiam di gereja, tetapi di rumah saya berasa marah walaupun atas perkara yang kecil. Menyedari hakikat ini, kasih Tuhan Bapa datang berlimpah-limpah, dan saya dapat bertaubat dari lubuk hati saya dengan linangan air mata.

Pada masa yang sama, saya menerima doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit daripada GCNTV HINDI sebanyak tiga kali sehari. Akhirnya, pada 7 Mac, melalui pemeriksaan ultrabunyi, didapati bahawa batu karang sebesar 12 mm telah hilang. Haleluyah!



“Kesakitan pada payudara hilang, nanah menjadi kering dan bersih.”

Diaken Kanan Youngchan Gwak
(Usia 54, Paroki Kelima)

Pada bulan Disember tahun lepas, sekali-sekala saya mengalami kesakitan yang menusuk pada bahagian payudara saya. Namun begitu, pada awal bulan Januari tahun ini, saya mengalami kesakitan pada payudara kiri dan bernanah. Beberapa hari kemudian, payudara kanan juga bernanah dan nanah pada kedua-dua payudara tidak mengering. Oleh sebab berbaring pada satu sisi adalah sangat menyakitkan, saya terpaksa berbaring lurus untuk tidur.


Pada masa itu, Perjumpaan Doa Nazar Daniel sedang diadakan, jadi saya berdoa dengan bersungguh-sungguh bagi hal ini dalam perjumpaan doa tersebut. Merenung masa lalu, saya sedar bahawa saya berkata saya mempraktikkan Firman Tuhan tetapi mengabaikan penyunatan hati. Saya juga sedar bahawa saya mengendalikan kehidupan Kristian saya untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain. Saya bertaubat dengan air mata kerana saya tahu kasih Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus tetapi saya tidak dapat mempraktikkan Firman Tuhan dengan hati saya.

Masa itu merupakan masa berdoa untuk kepenuhan Roh Kudus dalam Perjumpaan Doa Nazar Daniel. Saya menghadiri perjumpaan doa itu menerusi aplikasi GCN dalam telefon bimbit saya. Telefon bimbit saya menjadi panas, jadi muka dan bahagian atas badan saya menjadi panas. Saya berpeluh pada kedua-dua payudara saya. Selepas itu, nanah menjadi kering dan kesakitan itu hilang. Haleluyah!

Hasil pemeriksaan kesihatan pada 17 Februari, didapati bahawa tiada apa-apa masalah pada tubuh saya. Saya memberi segala syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang telah menyembuhkan saya.


Contoh buku Dr. Jaerock Lee

 URIM BOOKS




Pesanan Salib

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.




Syurga (I)

Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



Neraka

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.



Tuhan Penyembuh

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.

Website: www.urimbooks.com Blog: blog.naver.com/urbooks Facebook: facebook.com/urbooks17



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com